

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 13 MAC 2018

RUJUKAN : 10566

SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan dan tindakan ke atas aduan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Kawasan Tanjong pada 21 Jun 2017 terhadap seorang rakyat Malaysia Low Taek Jho yang didakwa memegang kewarganegaraan the Federation of Saint Kitts and Nevis pada masa yang sama dan apakah usaha-usaha telah diambil untuk mengesan negara atau lokasi yang sedang diduduki oleh Low Taek Jho.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah membuka fail siasatan terhadap dakwaan pemilikan dwi kewarganegaraan oleh individu bernama Low Taek Jho. Walau bagaimanapun, aduan yang dikemukakan kepada JPN tidak disertakan dengan bukti bagi membolehkan tindakan pelucutan di bawah Perkara 24, Perlembagaan Persekutuan dikenakan ke atas subjek tersebut. Sehubungan dengan itu, JPN telah mengemukakan permohonan pengesahan status kewarganegaraan subjek dengan negara berkenaan dan akan menjalankan tindakan selanjutnya mengikut perundangan dan prosedur yang berkuat kuasa sebaik sahaja bukti berkaitan diperolehi.

SOALAN (31)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13 MAC 2018
[SELASA]

DARIPADA : YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL
AZIZ [TANAH MERAH]

SOALAN :

YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sepanjang tahun 2017 berapa ramai graduan menyertai Skim Latihan 1Malaysia dan berapa ramai yang telah mendapat pekerjaan hasil penyertaan dalam skim tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) yang ditubuhkan pada 1 Jun 2011 bertujuan membantu para graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan selepas bergraduasi. Program kebolehpasaran ini dilaksanakan secara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh industri atas rasa tanggungjawab memberi balik kepada rakyat dan negara dengan membuka peluang kepada para graduan tempatan untuk mendapatkan latihan pekerjaan di samping menimba pengalaman kerja sebenar yang cukup berharga dalam memberi nilai tambah kepada graduan.

Kini, SL1M telah menginjak usia tujuh tahun sejak penubuhannya. Setakat 31 Disember 2017, seramai 144,440 graduan telah berjaya dibantu secara langsung dan tidak langsung dalam memperkasakan kebolehpasaran diri melalui latihan SL1M di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian serta melalui program-program yang dianjurkan oleh SL1M di seluruh negara.

Daripada jumlah tersebut, seramai 62,694 graduan berjaya dibantu mendapat pekerjaan melalui latihan berstruktur daripada syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam Program SL1M. Manakala 81,746 graduan berjaya dibantu melalui penganjuran karnival kerjaya SL1M atau program "search and assist" SL1M yang dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sabah, Sarawak dan Labuan.

Program SL1M merangkumi latihan *Soft Skill Training* maksimum 2 bulan dan disusuli dengan latihan di tempat kerja (*On-Job Training*) maksimum 10 bulan dijalankan sepenuhnya sendiri oleh pihak syarikat. Latihan yang diberi bertujuan meningkatkan tahap kecekapan dan kompetensi graduan di samping kemahiran-kemahiran teknikal mengikut acuan dan keperluan syarikat. Lebih 90% daripada peserta SL1M telah berjaya mendapat pekerjaan tetap sama ada diserap oleh syarikat yang melatih atau menerima tawaran daripada syarikat lain semasa atau selepas menjalani latihan SL1M. Program SL1M tidak menjamin sebarang pekerjaan kepada graduan dan syarikat tidak diwajibkan untuk menyerap peserta SL1M sebagai pekerja tetap. Namun, bagi peserta yang benar-benar menunjukkan prestasi dan pencapaian yang baik sepanjang latihan akan diserap sebagai pekerja di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian di dalam program SL1M. Graduan harus

55

mempraktikkan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang ditimba sepanjang program latihan untuk mendapatkan pekerjaan di syarikat lain. Sekiranya tidak diserap, SL1M sentiasa memberi peluang kepada mereka untuk penempatan latihan di syarikat lain.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL
LEIKING [PENAMPANG]**

TARIKH : 13.3.2018 (SELASA)

SOALAN : 32

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jika adanya permohonan daripada Kerajaan Sabah untuk naik taraf (kepada "Tar / Sealed" road) sebuah jalan raya yang dalam keadaan teruk di Kg. Kondohon, Penampang dan jika tidak ada, bolehkah Kementerian membuat inisiatif sendiri untuk membina Jalan Raya Kampung ini atas sebab adanya kira-kira 200 lebih penduduk termasuk murid-murid sekolah yang mengguna jalan raya tersebut walaupun dalam keadaan teruk.

57

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklumat daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sabah, jalan yang dimaksudkan adalah di bawah skop Projek Jalan Kampung (PJK) yang dilaksanakan oleh Pihak Kementerian. Pihak Kementerian akan menjalankan siasatan terlebih dahulu berhubung cadangan menaik taraf jalan yang dimaksudkan bagi tujuan penentuan skop dan anggaran kos.

Sekiranya didapati menepati skop dan terdapat keperluan mendesak, Pihak Kementerian akan mempertimbangkan cadangan untuk menaik taraf jalan-jalan tersebut pada tahun 2019/2020 tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diluluskan.